

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BIL. 1/1975**

---

**PINDAHMILIK TANAH YANG DILULUSKAN OLEH M.M.K**  
**DENGAN CARA MENYERAHBALIK DAN DIBERIMILIK SEMULA**

Telah didapati dimasa-masa yang akhir ini banyak Tanah-tanah miliki yang diluluskan pindahmilik (atau dibenar diubah syarat kegunaannya) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan cara diminta tuantanah yang berkenaan menyerahbalik dahulu tanah-tanah itu kepada Kerajaan di bawah Bab 197, K.T.N. dengan menggunakan Borang 12A dan dengan syarat-syarat baru atau tidak.

2. Untuk melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diatas Pendaftar/Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta supaya seboleh-bolehnya mengambil tindakan mendaftar Borang Permohonan untuk Menyerahbalik tanah (Borang 12A) itu pada tarikh yang sama dengan tarikh mendaftar Hakmilik tanah yang baharu itu. (Tindakan serentak)

3. Langkahhan ini difikirkan perlu diambil ialah untuk menjamin supaya tidak ada masa peralihan atau masa kekosongan (gap) di antara tarikh penyerahbalik tanah itu dengan tarikh pemberianmilik semula tanah itu. Adalah dipercayai bahawa kesulitan atau kerumitan dari segi undang-undang mungkin akan timbul jika berlaku kematian dan sebagainya diantara pihak-pihak yang terlibat itu.

4. Jadual I (Borang Permohonan Milik Tanah) boleh diproses dan Hakmilik Sementara bolehlah disediakan dahulu seolah-olah tanah itu tanah Kerajaan. Borang 12A yang telah diluluskan bolehlah disimpan dalam fail yang berkenaan sementara menunggu Jadual I diproseskan. Bagi tanah-tanah yang dipegang dibawah Hakmilik Pejabat Pendaftaran. Pengarah Tanah Dan Galian bersekali dengan Rang/Draft Hakmilik Sementara yang baharu untuk didaftarkan serentak.

5. Cara yang biasa dibuat dengan jalan mendaftar Borang 12A dahulu, dan lepas itu baharu diproses untuk menyediakan Hakmilik yang baharu dan sebagainya hendaklah diberhentikan.

6. Harus diingatkan bahawa mengikut Seksyen 78(3), K.T.N. Pemberianmilik tanah Kerajaan adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh pendaftarannya, dan tarikh ini seboleh-bolehnya eloklah bersamaan dengan tarikh penyerahbalik tanah yang berkenaan kepada Kerajaan supaya tidak timbul kesulitan dari undang-undang kemudian kelak.

(Mohd..Tajol Aros B.Ahmad)  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

**KOTA BHARU : 13hb. Syaaban 1395  
20hb. Ogos, 1975**